


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 11 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN
MALAYSIA, SUKU PERTAMA 2022

**Nilai kerja pembinaan menguncup 6.1 peratus kepada RM29.5 bilion
pada suku pertama 2022**

PUTRAJAYA, 11 MEI 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **STATISTIK PEMBINAAN SUKU TAHUNAN, SUKU PERTAMA 2022** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik sektor pembinaan berdasarkan kepada nilai kerja pembinaan bagi suku tahun pertama 2022.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Nilai kerja pembinaan pada suku pertama 2022 terus bertambah baik pada **-6.1 peratus** (ST4 2021: -12.9%) berasaskan tahun ke tahun, berjumlah **RM29.5 bilion** (ST4 2021: RM27.6 bilion)".

Pada suku pertama 2022, subsektor Aktiviti pertukangan khas meneruskan pertumbuhan dua digit sebanyak **24.1 peratus** manakala Bangunan bukan kediaman mencatatkan peningkatan **4.2 peratus** dalam nilai kerja pembinaan. Sementara itu, pertumbuhan subsektor Bangunan kediaman dan Kejuruteraan awam masing-masing menguncup pada **11.9 peratus** dan **15.5 peratus** (ST4 2021: -18.2% dan -20.3%).


Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa pada suku pertama 2022, subsektor Kejuruteraan awam kekal mendominasi sebagai penyumbang utama nilai kerja pembinaan dengan **35.1 peratus**. Disamping itu, subsektor Bangunan bukan kediaman pula menyumbang **30.4 peratus** sementara Bangunan kediaman dan Aktiviti pertukangan khas masing-masing menyumbang **24.2 peratus** dan **10.2 peratus**.

Laporan tersebut juga menyatakan sektor swasta tumbuh **3.2 peratus** dengan menyumbang **60.7 peratus** daripada nilai kerja pembinaan (**RM17.9 bilion**) berbanding sektor awam yang bertambah baik kepada **-17.6 peratus** (ST4 2021: -18.8%) yang menyumbang **39.3 peratus** daripada nilai kerja pembinaan (**RM11.6 bilion**).

Pada masa yang sama, sumbangan nilai kerja pembinaan mengikut negeri di dominasi oleh tiga (3) negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Sarawak iaitu berjumlah **RM16.0 bilion** atau mewakili **54.2 peratus** daripada keseluruhan nilai kerja pembinaan. Negeri Selangor merekodkan nilai kerja pembinaan tertinggi pada suku pertama 2022 iaitu sebanyak **RM6.9 bilion**. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan (**RM5.8 bilion**) dan Sarawak (**RM3.3 bilion**).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Nilai Kerja Pembinaan dan Perubahan Peratus,
ST1 2019 – ST1 2022**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

11 MEI 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, May 11 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
QUARTERLY CONSTRUCTION STATISTICS
MALAYSIA, FIRST QUARTER 2022

***Value of construction work done contracted 6.1 per cent to
RM29.5 billion in the first quarter 2022***

PUTRAJAYA, 11 MAY 2022 – The Department of Statistics Malaysia, today released **QUARTERLY CONSTRUCTION STATISTICS, FIRST QUARTER 2022**. This publication presents construction sector statistics based on the value of construction work done for the first quarter 2022.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said “The value of construction work done in the first quarter 2022 continued improving at **-6.1 per cent** (Q4 2021: -12.9%) year-on-year basis, amounting to **RM29.5 billion** (Q4 2021: RM27.6 billion)”.

For the first quarter of 2022, Special trades activities subsector continued a double digit growth of **24.1 per cent** whereas the Non-residential buildings subsector recorded an increase of **4.2 per cent** in the value of construction work done. Meanwhile, the growth of Residential buildings and Civil engineering contracted by **11.9 per cent** and **15.5 per cent** respectively (Q4 2021: -18.2% and -20.3%).


The Department of Statistics Malaysia also reports that in the first quarter of 2022, the Civil engineering subsector remained dominant as the main contributor to the value of construction work done with **35.1 per cent** share. Besides that, Non-residential buildings subsector contributed **30.4 per cent** while Residential buildings and Special trades activities contributed **24.2 per cent** and **10.2 per cent** respectively.

The report also stated that the private sector grew **3.2 per cent** with **60.7 per cent** share of total value of construction work done (**RM17.9 billion**) as compared to the public sector continued improving to **-17.6 per cent** (Q4 2021: -18.8%) with **39.3 per cent** share of total value of construction work done (**RM11.6 billion**).

In the same time, the share of value of construction work done were dominated by three (3) states namely Selangor, Wilayah Persekutuan and Sarawak, totally **RM16.0 billion** or **54.2 per cent** share. Selangor recorded the highest value of construction work done in the first quarter 2022 with **RM6.9 billion**. This followed by Wilayah Persekutuan (**RM5.8 billion**) dan Sarawak (**RM3.3 billion**).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Value of Construction Work Done and Percentage Change, Q1 2019 – Q1 2022



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11 MAY 2022